

**NO. SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9396**

**SOALAN :**

**Datuk Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah Kementerian dalam usaha membanteras gejala ketagihan pil kuda yang kini semakin berleluasa di Pantai Timur termasuk Kelantan.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri memandang serius masalah ketagihan pil kuda di kawasan Pantai Timur terutamanya di negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan tindakan berdasarkan strategi seperti berikut:**

- a) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa terutamanya bersama pihak *Office of the Narcotic Control Board* (ONCB) dan *Royal Thai Police*, Thailand dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama. Kerjasama ini telah menghasilkan tangkapan dan rampasan pelbagai dadah termasuk pil kuda sama ada di Thailand atau Malaysia yang dipercayai untuk pasaran tempatan.**
- b) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan sempadan melalui Unit Risikan Sempadan di Rantau Panjang (Kelantan), Jitra (Kedah) dan Pengkalan Hulu (Perak).**
- c) Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah pil kuda berskala besar.**

- d) Memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK).
- e) Mempertingkatkan operasi secara berkala bagi mengesan pengedar dan *addict cum pusher* serta memastikan tangkapan tersebut dituduh di mahkamah.
- f) Mempertingkatkan kerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan dalam menjalankan operasi membanteras penyalahguna dan penagih pil kuda.

**Selain itu, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) juga mengambil langkah memerangi gejala dadah dan ketagihan pil kuda di negeri-negeri pantai timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Bagi membendung masalah ini, beberapa tindakan berfokus yang telah diambil adalah seperti berikut:**

- a) Mendapatkan input dan maklumat daripada perjumpaan dengan Pengarah-Pengarah serta pegawai-pegawai Daerah/Negeri terlibat, iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Daerah-daerah yang kritikal di setiap negeri tersebut dikenal pasti bagi mengenal pasti punca masalah penagihan di kawasan berkaitan.
- b) Penetapan kawasan tumpuan iaitu berdasarkan indeks *profiling* yang telah dibina oleh AADK dengan melibatkan indikator kadar *prevalens* penagihan, jumlah kes pengawasan,

**indeks jenayah, jumlah penduduk keseluruhan, kegiatan sosio-ekonomi, resources dan aset dalam komuniti.**

- c) Mengadakan kerjasama antara pegawai-pegawai AADK bersama rakan strategik seperti PDRM, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Pihak Berkuasa Tempatan dan Jawatankuasa Penduduk Setempat dengan mengadakan program bersepadu di kawasan-kawasan tumpuan masyarakat di daerah-daerah berkenaan seperti kawasan perumahan, rumah ibadat, sekolah, pasar, tempat hiburan dan lain-lain.
- d) Program operasi pengesanan dan penahanan penagih dadah dijalankan sebanyak tiga (3) kali sebulan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti dalam daerah berkenaan. AADK juga menjalankan operasi membersihkan ‘port’ penagihan yang menjadi tumpuan penagih-penagih tempatan dan luar kawasan bagi menghilangkan kebimbangan dan kegusaran penduduk daerah berkenaan.
- e) Mengadakan program pendidikan pencegahan dadah dengan memfokuskan kepada media komunikasi yang menjadi tumpuan golongan muda seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *YouTube* serta melalui media konvensional dalam menyebarluas kempen antidadah, memberi pengetahuan dan kesedaran mengenai bahaya dadah serta sebagai medium penyaluran maklumat dan aduan kepada pihak berkuasa mengenai aktiviti berkaitan dadah.